

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/2008

Rakyat perlu percaya sikap terbuka Pak Lah

um-27/2008

KUALA LUMPUR 1 Julai - Rakyat perlu mempercayai sikap terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang secara jelas telah menyatakan tidak akan mengancam keselamatan Datuk Seri Anwar Ibrahim malah memberi kebebasan kepada beliau untuk berperanan sebagai pemimpin pembangkang.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, rakyat tidak seharusnya terperangkap dengan teori konspirasi yang digembar-gemburkan oleh Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu kerana ia dibuat dengan matlamat mengembalikan pergolakan politik pada tahun 1998.

"Saya melihat apa yang dibangkitkan Anwar mengenai soal keselamatan adalah tidak munasabah dan tidak berasas. Orang ramai perlu melihat ketelusan, kebebasan, keterbukaan dan toleransi yang dilakukan Perdana Menteri. Jadi tuduhan beliau (Anwar) tidak boleh diterima langsung.

"Sebelum ini, beliau bebas ke mana-mana, tiada sekatan langsung dan keselamatannya terjamin. Tuduhan ini semata-mata bagi mencapai impiannya untuk menjadi Perdana Menteri," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Hishammuddin mengingatkan Anwar bahawa suasana politik pada hari ini amat berbeza berbanding tahun 1998 untuk beliau menggunakan alasan keselamatan bagi meraih simpati penyokongnya.

Katanya, pergerakan itu berharap siasatan berkaitan dakwaan terbaru terhadap Anwar dilakukan segera dengan telus dan adil serta tanpa rasa takut dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Orang ramai sudah tidak percaya dengan tuduhan bahawa suasana dalam negara begitu terancam seperti yang didakwa Anwar," katanya.

Beliau berkata, Anwar juga membuat dakwaan tidak munasabah kononnya konspirasi menjatuhkannya berlaku kerana hasratnya untuk bertanding dalam pilihan raya kecil dan terdapat beberapa wakil rakyat Barisan Nasional akan melompat ke pakatan pembangkang.

"Apa yang diperkatakan Anwar itu bukan perkara baru jadi mengapa perkara ini dijadikan alasan," katanya.